



KERATAN SURAT KHABAR

| | | | | | |
|--------------|---|-------------------|------------|---|----|
| SURAT KHABAR | : | BH | | | |
| TARIKH | : | 2/7/2021 (JUMAAT) | MUKA SURAT | : | 18 |
| JABATAN | : | PERHILITAN | | | |

Pasang perangkap tangkap ibu harimau

Dungun: Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) sudah memasang beberapa perangkap dalam usaha menangkap seekor ibu harimau dan empat anaknya yang menyerang 240 lembu ditenak penduduk di FELDA Kerteh 4 sejak dua tahun lalu.

Timbalan Ketua Pengarah PERHILITAN, Datuk Fakhru Hata Musa, berkata pihaknya berjaya mengesan kelibat lima harimau itu berkeliaran di ladang milik penternak di FELDA Kerteh 4 melalui kamera infra merah yang dipasang di beberapa lokasi di situ.

Beliau berkata, pihaknya turut memasang beberapa jerat di sekitar kawasan menjadi laluan harimau berkenaan dan sedang mengesan beberapa lagi lokasi haiwan itu berkeliaran.

"Jika kita menemui lokasi baharu itu, kita akan tambahkan lagi pemasangan perangkap di situ," katanya selepas melakukan tinjauan bersama Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Makanan, Perladangan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar Terengganu, Dr Azman Ibrahim, di FELDA Kerteh 4.

Fakhru berkata, langkah memasang perangkap dilihat lebih proaktif dalam usaha menangkap haiwan ini dan pihaknya turut menempatkan Pasukan Taktikal Khas PERHILITAN (SPARTA) dengan dibantu veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) mem-



Fakhru Hata (kanan) berbincang dengan pemilik ternakan lembu di FELDA Kerteh 4.

(Foto Rosli Iliham/BH)

buat kawalan di kawasan sekitar 1,284 hektar itu.

"Kita menempatkan kakitangan kami di kawasan itu sejak sebulan lalu untuk mendapatkan data sebenar jumlah harimau di situ.

"Kita juga mengambil inisiatif proaktif bersama PERHILITAN negeri dan kita berkampung di sini, hasilnya kita berjaya mengesan seekor ibu harimau bersama empat anaknya berada di lokasi itu," katanya.

Beliau berkata, hasil pemantauan melalui kamera itu, pihaknya mendapati harimau lima beranak itu berada dalam keadaan sihat.

"Satu daripada perangkap yang kami letakkan itu boleh menempatkan empat hingga lima ekor harimau serentak.

"Biarpun penggunaan jerat ini agak berisiko, namun kakitangan kami akan sentiasa memantau bagi mengelak berlaku kecederaan kepada harimau jika terkena jerat itu," katanya.

Fakhru berkata, harimau terabit memilih menjadikan lembu sebagai makanan berbanding haiwan lain yang banyak di kawasan itu seperti beruang, tapir dan harimau kumbang.

Sementara itu, Azman berkata, kematian 240 ekor lembu milik penternak FELDA Kerteh 4 sejak

dua tahun lalu, dipercayai angkara ibu harimau mengajar anaknya memburu haiwan ternakan terabit.

Beliau berkata, keadaan itu dipercayai berlaku berdasarkan cakaran haiwan liar pada bangkai lembu ditemui.

Katanya, terdapat bunyak kesan cakaran di bahagian kepala, badan dan belakang sebahagian besar lembu ditemui mati, malah harimau terabit tidak memakan daging lembu dibunuh.

"Berdasarkan rakaman kamera infa merah, kita percaya ibu harimau itu hanya mengajar teknik memburu kepada anaknya," katanya.